

Kerajaan tetap tidak akan bantu SAR

um 13/1/03

KAMPAR 12 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tetap tidak akan memberi bantuan kepada sekolah agama rakyat (SAR) walaupun terdapat ibu bapa yang masih menghantar anak mereka ke sekolah berkenaan.

Menurut Dr. Mahathir, keputusan tegas kerajaan itu kerana SAR kini merupakan sebuah sekolah politik yang mengajar murid-muridnya supaya membenci kerajaan.

Murid-murid terbabit, katanya, tidak akan membenci kerajaan dengan sendiri jika tidak terdapat guru-guru di sekolah agama rakyat yang mengajarnya.

"Tbu bapa memang berhak menentukan masa depan anak-anak mereka tetapi janganlah merosakkannya dengan menghantar ke sekolah yang tidak mempunyai guru yang berkelayakan dan sering menanam perasaan benci kepada kerajaan serta sesama orang Islam.

"Ini bukannya ajaran Islam yang sebenar kerana Islam mementingkan persaudaraan," katanya kepada pemberita selepas meletakkan batu asas pembinaan Universiti Tunku Abdul Rahman (Unitar) di sini hari ini.

Turut hadir Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Katanya, kerajaan tidak akan menghalang ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah berkenaan, tetapi pada masa yang sama tidak akan lagi memberi bantuan.

"Kita dapati sekolah-sekolah agama rakyat ini dipergunakan oleh pihak tertentu untuk mencari kekayaan kecuali sekolah agama rakyat yang di bawah kendalian kerajaan," katanya.

Kerajaan, jelas beliau, tidak mempunyai cadangan untuk mengambil alih pe-

ngurusan sekolah agama rakyat kerana sekolah kerajaan yang sedia ada telah memberi pendidikan agama Islam yang mencukupi.

"Tidak ada makna kita mengambil alih pengurusan sekolah agama rakyat kerana kita telah mempunyai sekolah kerajaan yang mengajar agama Islam mencukupi.

"Di zaman British tidak mengapalah, ketika itu mereka (British) tidak mengambil berat (pendidikan orang Melayu)," katanya.

Ketika ditanya, ugutan pihak tertentu untuk berjumpa dengan sultan-sultan berhubung dengan SAR ini, Dr. Mahathir berkata, jika terdapat pengu-rusan sekolah agama rakyat berjumpa dengan sultan, kerajaan akan memberi penjelasan keadaan yang sebenar.

"Kita akan memberi penjelasan kepada sultan keadaan sebenar sekolah berkenaan yang kini menjadi sekolah politik," katanya.